

PENYESUAIAN DALAM KALANGAN SISWA GURU PELATIH (OKU) PENGLIHATAN DI SEBUAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU

ARMAN ABD SANI

Universiti Malaysia Sabah
arman@ipgkik.edu.my

FERLIS BULLARE @ BAHARI

Universiti Malaysia Sabah
ferlis@ums.edu.my

PETER VOO

Universiti Malaysia Sabah
peter@ums.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian siswa guru pelatih Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan di Institut Pendidikan Guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan empat responden yang merupakan siswa guru pelatih OKU penglihatan di salah sebuah Institut Pendidikan. Alat kajian yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada siswa guru pelatih di IPG. Dapatan kajian menjawab persoalan kajian yang dikemukakan iaitu faktor-faktor berlaku penyesuaian dalam kalangan siswa OKU penglihatan di Institut Pendidikan Guru. Antara faktor yang dikenalpasti berlakunya penyesuaian dalam kalangan siswa guru pelatih OKU penglihatan ini ialah faktor sikap, peranan keluarga serta daya tindak pada diri sendiri. Beberapa cadangan perlu diambil kira iaitu peranan IPGM dalam membantu siswa guru pelatih dalam penyediaan kemudahan serta perlaksanaan program pembelajaran yang sesuai untuk mereka.

KATA KUNCI: *Penyesuaian, siswa guru pelatih, Orang Kurang Upaya (OKU), penglihatan, Institut Pendidikan Guru (IPG),*

ADJUSTMENTS TEACHERS' TRAINER WITH VISUAL IMPAIRMENT IN A TEACHER EDUCATION INSTITUTE

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify factors of adjustments a visually impaired teachers trainer at the Teacher Education Institute. This study uses case study design. Purposive sampling technique was used to engage the four respondents who are teachers trainer of visual impairment students at one of the institutes of teacher education. The research tools used are semi-structured interviews and document analysis. In analyzing the data collected, the researcher uses a descriptive qualitative study which is the process of analyzing the data from the interviews that have been made. This study used qualitative methods to ensure respondents had the opportunity to share their experiences and opinions. The findings of the study answer that among the factors identified as the occurrence of adjustment among trainee teacher students with visual impairments are the factors of attitude, family role and self-action. Some suggestions need to be taken especially the role of the IPGM, the provision of facilities and the implementation of appropriate learning for these visually impaired teacher's trainers.

KEY WORDS: *Adjustments, Teachers Trainee, Disabilities, Persons with Disabilities, Teacher Education Institute*

PENGENALAN

Hala tuju selepas peperiksaan membuatkan paelajar akan memilih sama ada melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), dan ada sebahagian mereka memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Institut Pendidikan Guru (IPG) sebagai siswa guru pelatih. Justeru itu, melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi sewajarnya merupakan satu pengalaman yang amat memberangsangkan dan memberikan kepuasan kepada pelajar (Christina & Marina, 2017). Namun begitu, ramai pelajar baharu didapati kurang mampu menghadapi corak dan cabaran kehidupan di kampus sehingga ada yang tidak dapat menyempurnakan pengajian mereka. Kegagalan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru akan merumitkan kehidupan seterusnya menghambat perkembangan psikologikal dan akademik (Wang, et al 2006). Kebanyakan pelajar baharu didapati kurang sesuai dalam menghadapi corak dan cabaran kehidupan di kampus sehingga ada yang tidak dapat menyempurnakan pengajian mereka. Ini disokong dengan pernyataan kajian lepas oleh Kitzrow (2009) yang menyatakan bahawa pelajar tidak dapat meneruskan pengajian mereka ke semester seterusnya kerana tidak mampu menangani pelbagai masalah yang dihadapi di kampus.

Menurut Melendez dan Melendez (2010), peringkat transisi pembelajaran seseorang itu bermula pada peringkat remaja di mana setelah tamat alam persekolahan mereka akan melanjutkan pelajaran ke kolej atau universiti. Dalam hal ini di kenali sebagai transisi sekolah, iaitu pelajar akan melalui perubahan tempat dan peluang dari sekolah ke tempat yang lebih mencabar. Umumnya peringkat transisi pembelajaran seseorang itu bermula pada peringkat remaja di mana setelah tamat alam persekolahan mereka akan melanjutkan pelajaran ke kolej atau universiti (Friedlander, Reid, Shupak & Cribbie, 2007). Perubahan serta peralihan ke tahap pendidikan tinggi adalah satu tahap kehidupan seseorang akan melalui perubahan penyesuaian. Justeru itu, menurut Lifshitz (2007) dalam implikasi kajiannya mengatakan

bahawa perubahan dan penyesuaian bukan sahaja berlaku kepada pelajar biasa namun akan berlaku kepada pelajar kurang upaya yang beralih kepada tahap pendidikan yang tinggi atau pun perubahan persekitaran.

Penyesuaian merujuk kepada satu proses dinamik yang menuju ke arah pencapaian dengan kesepadanan yang sesuai antara seorang individu dengan persekitarannya. Bagi pelajar, tempoh peralihan ke universiti mewakili perpisahan daripada cara hidup dan norma yang berhubung dengan pengalaman lepas (Ramsay, Jones & Barker, 2007). Oleh itu, penyesuaian kepada kehidupan di sesebuah kolej atau universiti adalah satu proses yang mencabar bagi kebanyakan pelajar. Kajian oleh Pancer, S. M., Hunsberger, B., Pratt, M., & Alisat, S. (2000) menunjukkan pada tahun pertama berada di kolej, pelajar akan berasa kesunyian, sukar berpisah dengan keluarga, menghadapi masalah konflik dalaman, dan menghadapi kemurungan dan tekanan serta krisis kewangan dan ada di kalangan pelajar terpaksa meninggalkan kolej.

Masalah berkaitan dengan penyesuaian pelajar bukan sahaja terjadi dalam kalangan pelajar biasa tetapi juga berlaku kepada pelajar (Orang Kurang Upaya) OKU yang juga berhadapan dengan permasalahan penyesuaian di sekolah. Justeru itu, berdasarkan kepentingan ini dapat dilihat bahawa kebolehan dan kepintaran bertindak seseorang diperlukan dalam menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan serta untuk memenuhi potensinya. Atas situasi dan keadaan ini telah mendorong pengkaji berusaha untuk membuat kajian berkaitan penyesuaian dalam kalangan siswa guru pelatih masalah penglihatan yang berada di Institut Pendidikan Guru (IPG).

PENYATAAN MASALAH

Kajian lepas oleh Pancer, Hunsberger, Pratt, dan Alisat (2000) menunjukkan bahawa pelbagai aspek yang dihadapi oleh pelajar tahun pertama yang menjadi penghalang kepada proses penyesuaian. Salah satu cabarannya ialah cabaran persekitaran. Cabaran persekitaran yang memberi kesan kepada penyesuaian emosi adalah perubahan situasi kehidupan daripada tinggal di rumah kepada kolej atau universiti yang boleh memberi kesan kepada pembentukan sendiri dan cenderung bertingkah laku negatif. Kajian dapatan lepas juga menunjukkan bahawa proses peralihan yang paling kritikal bagi remaja akhir adalah perubahan daripada zaman kanak-kanak dari rumah ke kolej (Paul & Brier, 2001). Holdway dan Kelloway (1987) dalam kajian mereka melaporkan bahawa proses peralihan daripada persekitaran yang menjadi kebiasaan tempat yang asing daripada tinggal bersama keluarga yang penuh kasih sayang dan rasa selamat dan berpindah untuk tinggal bersama orang tidak dikenali memberi kesan terhadap emosi dan memberi kesan juga perubahan personaliti pelajar di mana pelajar akan mula rasa keliru, tertekan, terganggu dan takut.

Kajian yang dijalankan oleh Perry, Hladkyj, Pekrun dan Pelletier (2001) turut melaporkan bahawa peralihan daripada pendidikan menengah ke pendidikan tinggi merupakan satu pengalaman yang menyukarkan bagi kebanyakan pelajar tahun satu, dan keadaan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah menyesuaikan diri di kampus. Pelajar baharu ini didapati sering menghadapi berbagai-bagai cabaran personal dan interpersonal ketika baru masuk universiti. Cabaran-cabaran ini meliputi keperluan untuk membina perhubungan yang baharu di kampus terutamanya jika kampus pelajar jauh dari tempat tinggalnya, mengubahsuaikan hubungan dengan ibu bapa serta ahli keluarga yang lain, dan membentuk tabiat belajar baru selaras dengan persekitaran akademik yang baru (Parker, Summerfeldt, Hogan, & Majeski, 2004).

Di Malaysia, dasar *Zero Reject Policy* dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan murid-murid OKU ditempatkan bersama dengan murid-murid normal sama ada secara

program integrasi, inklusif penuh mahupun inklusif separa. Di peringkat institusi pengajian tinggi dan juga universiti pelaksanaan inklusif ini diperluaskan dengan menempatkan pelajar OKU belajar bersama menghadiri kuliah dan tutorial bersama di dalam satu kelas. Namun begitu, persoalan yang wujud adakah dasar inklusif ini dapat membantu dalam penyesuaian pelajar OKU tersebut dan bagaimanakah dengan pembentukan tingkah laku yang mungkin boleh mengganggu kehidupan dan sosio emosi mereka dan lebih menakutkan lagi jika pelajar normal turut rasa tergugat dan menganggap program inklusif yang menempatkan rakan-rakan OKU mereka ini telah memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kelas.

Berdasarkan isu dan permasalahan yang wujud menunjukkan ada terdapat kajian lebih menumpukan kepada peringkat kolej atau universiti di seluruh negara, namun begitu kajian tidak menumpukan sepenuhnya kepada Institut Pendidikan Guru dan khusus kepada OKU penglihatan itu sendiri. Oleh itu, melihat kepada isu dan permasalahan ini, pengkaji ingin meneroka lebih lanjut berkaitan kajian ini melihat kepada aspek guru pelatih di IPG berdasarkan persoalan kajian. Justeru kajian ini akan ingin melihat faktor penyesuaian yang dialami oleh pelajar OKU penglihatan disebabkan oleh halangan dan rintangan persekitaran yang merupakan akibat langsung dari tidak dapat diakses seperti persekitaran, akademik dan sosial yang menjadi kekurangan peluang untuk penyesuaian diri, kekurangan inklusif persekitaran akademik, pemahaman yang tidak mencukupi mengenai keperluan mereka, sikap negatif masyarakat dan lain-lain di peringkat institut pendidikan guru. Pengkaji juga ingin melihat strategi dalam kajian yang telah dilakukan mempunyai hubungan dalam faktor penyesuaian untuk pelajar OKU penglihatan yang belajar di institut pendidikan guru.

OBJEKTIF KAJIAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian siswa guru pelatih masalah penglihatan di Institut Pendidikan Guru

Persoalan Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan persoalan berikut:

Apakah faktor faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenalpasti dalam kalangan siswa guru pelatih masalah penglihatan?

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi memastikan responden mempunyai peluang untuk berkongsi segala pengalaman dan pendapat mereka. Sampel kajian adalah seramai empat orang responden yang merupakan siswa guru OKU penglihatan di Institut Pendidikan Guru tersebut. Alat kajian yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan dengan melibatkan empat responden yang merupakan siswa guru pelatih OKU penglihatan di salah sebuah institut pendidikan guru. Dalam menganalisis data yang dikumpul, pengkaji menggunakan pengkajian kualitatif deskriptif iaitu proses menganalisis data daripada temu bual yang telah dibuat. Temu bual yang dilakukan adalah secara santai supaya mereka lebih selesa dengan soalan-soalan

yang ditanya kepada mereka. Pemilihan tempat dan masa yang sesuai untuk sesi temu bual responden ini adalah mengikut kesesuaian masa mereka.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian yang sedia ada.

Apakah faktor-faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenal pasti dalam kalangan siswa guru pelatih masalah penglihatan?

Untuk dapatan persoalan apakah faktor-faktor berkaitan dengan penyesuaian yang boleh dikenalpasti dalam kalangan siswa guru pelatih masalah penglihatan. Terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti semasa temubual dilaksanakan terhadap empat orang responden. Antara faktor-faktor penyesuaian yang berlaku ialah berkaitan dengan faktor keluarga. Keempat-empat responden sebelum ini apabila membuat keputusan perlu memberitahu ibu bapa mereka terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Apabila berada jauh daripada keluarga kebanyakan mereka memberitahu yang mereka tidak dapat membuat keputusan yang baik dalam sesuatu perkara dan mereka terpaksa menghubungi ibu bapa mereka untuk meminta pandangan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai implikasi psikologi dan perasaan seperti rasa bersalah, bimbang, kesedihan dan tekanan dan ini menyebabkan mereka sukar untuk bersosialisasi antara satu sama lain dan masih bergantung harap kepada keluarga mereka masing-masing ketika berada di kolej.

Responden 1

“Mula-mula tiba sini saya rasa tertekan dan hari-hari menghubungi ibu saya, sebab saya rasa , saya masih belum menyesuaikan diri, fokus dalam pelajaran pun saya terabai tidak masuk dan tidak faham”

Responden 3

“Saya memang sejak dari sekolah menengah ibu bapa saya yang tolong uruskan saya sebab saya OKU dan mereka amat risaukan saya. Apabila berada di sini saya terpaksa urus diri sendiri dan saya amat tertekan”

Faktor seterusnya ialah berkaitan dengan masalah dan isu yang wujud dalam penyesuaian tersebut seperti rindukan kampung halaman, tekanan serta kebimbangan yang teruk. Soalan temubual iaitu “Adakah anda menghadapi masalah pada awal minggu berada di IPG”, keempat-empat responden menjelaskan mereka terpaksa berdepan dengan suasana yang baru dan cuba menyesuaikan dengan keadaan dan tempat baru memandangkan mereka tidak berdepan dengan suasana pembelajaran baru dan juga rakan-rakan baru. Keempat-empat responden juga menjelaskan bahawa masalah sosial dan emosi sering berlaku apabila mereka berada di tempat atau persekitaran yang baru pada awal berada di IPG. Responden satu menyatakan menghadapi masalah tekanan dan rindukan kampung halaman kerana tidak pernah berjauhan dengan ibu bapa sebelum ini. Manakala responden kedua dan ketiga berhadapan dengan masalah sosial kerana tidak mengenali rakan-rakan yang boleh membantu mereka berbanding di sekolah. Umumnya, perubahan rakan dalam kelompok pelajar pendidikan khas akan memberi impak dari segi emosi yang dinamik serta proses kognitif yang akan mengganggu perubahan keseimbangan diri mereka. Kajian yang dilakukan oleh Jean dan Kaye (2016) mendapati bahawa faktor seperti akademik, budaya, sosial dan psikologi merupakan penyumbang utama dalam penyesuaian pelajar apabila berada di tempat baru. Kajian ini juga menjelaskan bahawa adalah penting

kajian berkaitan penyesuaian dilaksanakan untuk membantu pelajar bersedia dan menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

Responden 1

“ Saya tidak dapat menyesuaikan diri semasa minggu pertama. Saya sering menghubungi ibu bapa saya kerana terlalu rindu dengan mereka kerana tidak pernah terpisah ”

Responden 2

“Saya tidak bergaul dengan rakan yang lain, saya amat tertekan pada awal minggu”

Responden 3

“Agak kurang selesa dan saya lebih banyak mendiamkan diri. Pada awal semester saya tidak dapat menyesuaikan diri dalam pembelajaran ”

Faktor seterusnya yang dikenalpasti ialah masalah sosial yang dialami oleh mereka. Ini kerana sebelum ini mereka tidak pernah berpisah dengan ahli keluarga. Keadaan ini menyebabkan mereka seperti terasing dan akhirnya tidak dapat melakukan aktiviti sosial seperti berkawan dengan rakan-rakan normal mereka. Mereka juga sebelum ini tidak pernah bersekolah di sekolah inklusif dan hanya bersekolah pendidikan khas yang menempatkan rakan-rakan OKU sesama mereka. Soalan yang dikemukakan kepada ke empat-empat responden menunjukkan bahawa mereka menghadapi masalah sosial apabila berada di tempat baru dan sukar untuk menyesuaikan diri.

Responden 1

“ Saya berasa segan dan kurang bergaul dengan rakan-rakan baru kerana sebelum ini saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang OKU. Namun di sini saya bersama dengan pelajar normal”

Responden 2

“Saya ni memang seorang pemalu mau bercakap dengan orang baru saya kenal memang agak lama . susah saya menyesuaikan diri”

Responden 3

“ Saya mengambil masa lama untuk menyesuaikan diri dan berkenalan dengan orang baru saya kenal”

Responden 4

“ Bagi saya, kalau akan baru itu tidak mau bercakap dengan saya, saya akan kurang bercakap dan saya akan nampak sombong, tetapi sebenarnya saya pemalu”

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kesimpulan yang dapat dijelaskan melalui kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor penyesuaian siswa guru pelatih masalah penglihatan di IPG. Dalam kajian ini, masalah berkaitan psikologi dan pendidikan dilihat sebagai salah satu masalah dan cabaran utama dalam penyesuaian bagi mereka yang mengalami ketidakupayaan. Adalah didapati kebanyakan mereka tidak dapat berhadapan dengan daya tindak yang sebaiknya. Daya tindak dikatakan memainkan peranan utama dalam proses penyesuaian (Lazarus, 1994), dan mahasiswa memerlukan strategi daya tindak untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampus (Rojanah, Mohd. Sharani, Sa'odah, & Jayaletchumi, 2001). Pelajar yang mempunyai

kemahiran untuk melaksanakan daya tindak terhadap situasi atau persekitaran baharu dikatakan kurang bermasalah dalam melakukan peralihan ke universiti berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai kemahiran daya tindak (Trinto, 1993). Ini dapat dilihat melalui temubual responden empat yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam aspek pembelajaran pada semester pertama. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh Cooke, R., Beewick, B. M., Barkham, M., Bradley, M., dan Audin, K., (2006) yang menyatakan bahawa pelajar yang banyak menghadapi masalah penyesuaian pembelajaran di kolej didapati cenderung memperoleh pencapaian akademik yang rendah yang mungkin menyebabkan mereka diberhentikan daripada pengajian yang sedang diikuti di universiti. Justeru, daya tindak merupakan satu mekanisme yang penting dalam kehidupan pelajar yang sentiasa berhadapan dengan keadaan dan situasi yang boleh menimbulkan pelbagai tekanan kepada diri mereka.

Dalam aspek penyesuaian sosial, keempat-empat responden menghadapi masalah penyesuaian sosial. Bagi responden satu dan tiga penyesuaian sosial berlaku disebabkan mereka tidak pernah berpisah sebelum ini bersama dengan keluarga mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka sering tertekan dan mengadu kepada keluarga mereka. Mereka berasa seperti rendah diri dan malu dengan rakan-rakan sekelas mereka. Dapatan ini disokong oleh Norshidah dan Khalim (2010) bahawa kanak-kanak yang mengalami masalah penglihatan juga mempunyai masalah dalam berinteraksi dengan orang luar disebabkan oleh penyesuaian sosial dan mempunyai rendah diri terhadap diri sendiri. Selain itu dimensi penyesuaian emosi juga dikenalpasti dalam dapatan kajian ini. Kebanyakan responden mengalami masalah emosi apabila pertama kali berjauhan dengan keluarga mereka. Menurut Azizi Yahaya, et al., (2004), sendiri muncul hasil daripada interaksi organisma dengan persekitarannya. Hasil ini akan menonjolkan nilai orang lain yang berbentuk positif ataupun negatif. Organisma akan bertindak mengikut ketentuan sendiri (Azizi Yahaya, et al., 2004). Menurut Erikson, tahap yang paling penting sekali dalam perkembangan diri seseorang individu dalam pembentukan peribadinya adalah semasa zaman remaja. Perubahan yang berlaku dalam diri seseorang pada peringkat ini akan menentukan perkembangan seterusnya dalam kehidupannya. Remaja memerlukan sokongan sosial daripada ibu bapa, guru, rakan, rakan sekelas dan orang di sekelilingnya untuk membantu mereka menghadapi liku-liku hidup. Sokongan ini mampu memberi perlindungan dan peningkatan kesihatan remaja menerusi psikologikal hidup remaja apabila remaja mengalami gangguan konflik dalam hidup.

Garmezy dan Rutter (1988) berpendapat bahawa ketahanan diri sebagai "proses, atau kemampuan untuk, atau hasil penyesuaian yang berjaya walaupun keadaan mencabar dan mengancam" perlu bagi setiap pelajar yang berada di peringkat pengajian tinggi. Zimmerman dan Arunkumar (1994) menggambarkan ketahanan sebagai kemampuan untuk kembali dari kesukaran atau "faktor dan proses yang mengganggu lintasan dari risiko ke tingkah laku masalah atau psikopatologi dan dengan itu menghasilkan hasil yang adaptif walaupun terdapat keadaan yang mencabar dan mengancam" Garmezy dan Rutter (1988), seterusnya, mengkategorikan faktor perlindungan yang membawa kepada ketahanan sebagai :

- (a) faktor diri sendiri, seperti perangai positif dan kecekapan sosial;
- (b) faktor keluarga termasuk ibu bapa yang menyokong dan penetapan peraturan yang konsisten; dan
- (c) faktor masyarakat, termasuk hubungan positif dengan orang dewasa yang signifikan dan persekitaran sekolah yang menyokong.

Antara cadangan dalam membantu penyesuaian diri dalam kalangan siswa guru pelatih OKU penglihatan ini ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya pihak IPGM untuk membantu siswa guru pelatih OKU masalah penglihatan berkaitan aspek kemudahan serta program pembelajaran mereka khususnya dalam penyediaan kemudahan

pembelajaran yang lebih sesuai. Kajian Azar dan Reshadatjoo (2015) yang menyatakan 88 peratus pelajar tahun pertama di Iran mempunyai penyesuaian diri pada tahap yang sederhana. Habibah, Nooreen dan Rahil (2010) juga mendapati tahap penyesuaian kebanyakan pelajar adalah sederhana dalam konteks universiti di Malaysia. Justeru itu, peranan IPGM khususnya pihak IPG dan pensyarah terlibat amat penting dalam membantu mereka dalam melaksanakan sebarang aktiviti ataupun program yang melibatkan penyesuaian dalam kalangan mereka.

Dalam konteks pendidikan, dalam kajian ini diharapkan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan IPG dapat mengenalpasti kesediaan rakan sebaya dan pelajar mereka dalam menerima ketidakupayaan mereka. Akan timbul perasaan cemburu dan ketidakadilan sekiranya pensyarah hanya memberi bimbingan kepada pelajar lain sahaja. Ini bagi membolehkan pelajar tidak rasa tersisih, berasa yakin daripada kesedaran tinggi dan kemahiran sosial yang sedia ada pada mereka walaupun mereka kurang upaya. Selain itu, sistem pendidikan sedia ada, haruslah menyediakan pelajar satu wadah untuk melatih diri mereka mengawal dan mengendalikan emosi dengan bijaksana. Justeru itu siswa guru pelatih masalah penglihatan juga tidak terkecuali. Peranan pensyarah dan harus menyedari kepentingan kaedah dan teknik dalam mengendalikan emosi terutama dalam mengendalikan pelajar OKU penglihatan itu sendiri kelak. Oleh itu, adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang telah dinyatakan dalam usaha meningkatkan tahap penyesuaian kalangan siswa guru pelatih masalah penglihatan. Pelajar biasanya berasakan bahawa kaedah pengajaran di institusi pengajian tinggi adalah berbeza dengan apa yang mereka lalui di peringkat menengah. Umumnya, mereka berasakan ianya lebih sukar berbanding di peringkat pengajian sekolah menengah dahulu. Malahan, kesan kepada perbezaan gaya pengajaran turut menjadi tekanan kepada prestasi akademik pelajar di universiti. Justeru adalah diharapkan kajian ini akan membantu sebagai persediaan awal dalam menghadapi siswa guru pelatih OKU penglihatan ketika berada di dalam kelas.

PENUTUP

Adalah diharapkan kajian ini dapat mengenal pasti faktor penyesuaian yang berlaku dalam kalangan siswa guru OKU penglihatan di Institut Pendidikan Guru agar usaha yang lebih giat harus dilaksanakan untuk mengenal pasti masalah penyesuaian dalam kalangan pelajar baharu di universiti serta faktor-faktor yang berkaitan dengan penyesuaian pelajar ini. Bagi mereka yang mempunyai ketidakupayaan akan berlaku ketidakseimbangan dalam faktor sendiri mereka sama ada emosi atau tingkahlaku mereka. Keadaan ini disebabkan mereka berasa malu dengan ketidakupayaan yang ada pada mereka apabila berada di dalam persekitaran normal khususnya masyarakat agar mereka mampu menjadi pelajar yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta menghasilkan siswa guru yang holistik dan berdaya saing.

RUJUKAN

- Azizi et. al., (2004), Psikologi Sosial. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baker, R. W., & Stryk, B. (1984). Measuring adjustment to college. *Journal of Counseling Psychology*, 31(2), 179-189.
- Christina, C., & Marina, M. (2017). Coping strategies, optimism, and life satisfaction among first-year university students in Italy: Gender and age differences. *Higher Education*, 75(4), 643-654.
- Cooke, R., Bewick, B. M., Barkham, M., Bradley, M., & Audin, K. (2006). Measuring, monitoring and managing the psychological well-being of first year university students. *British Journal of Guidance & Counselling*, 34(4), 505-517.

Garmezy, N., & Rutter, M. (1988). *Stress, coping, and development in children*. Johns Hopkins University Press.

Friedlander, L. J., Reid, G. J., Shupak, N., & Cribbie, R. (2007). Social support, self-esteem, and stress as predictors of adjustment to University among first-year undergraduates. *Journal of College Student Development*, 48(3), 259-274.

Habibah Elias, Nooreen Noordin, & Rahil Mahyuddin. (2010). Achievement motivation and self-efficacy in relation to adjustment among university students. *Journal of Social Sciences*, 6(3), 333–339

Jean Kesnold & Kaye F. Sly. (2016). Factors that contribute to the adjustment of international students florida. *Journal of International Students State*. 6 (1), 262-282

Kitzrow, M. A. (2003). The mental health needs of today's college students: Challenges and recommendations. *Journal of Student Affairs Research and Practice*, 46(4)

Lifshitz, H., Hen, I., & Weisse, I. (2007). Self-concept, adjustment to blindness, and quality of friendship among adolescents with visual impairments. *Journal of Visual Impairment & Blindness*, 101(2),

Melendez, M. C., & Melendez, N. B. (2010). The influence of parental attachment on the college adjustment of white, Black, and Latina/Hispanic women: A cross-cultural investigation. *Journal of College Student Development*, 51(4), 419-435

Pancer, S. M., Hunsberger, B., Pratt, M. W., & Alisat, S. (2000). Cognitive complexity of expectations and adjustment to University in the first year. *Journal of Adolescent Research*, 15(1), 38-57.

Paul, E. L., & Brier, S. (2001). Friendsickness in the transition to college: Precollege predictors and college adjustment correlates. *Journal of Counseling & Development*, 79(1), 77-89.

Perry, R. P., Hladkyj, S., Pekrun, R. H., & Pelletier, S. T. (2001). Academic control and action control in the achievement of college students: A longitudinal field study. *Journal of Educational Psychology*, 93(4), 776-789.

Ramsay, S., Jones, E., & Barker, M. (2007). Relationship between adjustment and support types: Young and mature-aged local and international first year University students. *Higher Education*, 54(2), 247-265.

Rojanah Kahar, Mohd. Sharani Ahmad, Saodah Ahmad, & Jayaletchumi Mottan. (2001). Penyesuaian hidup di kampus. Dlm. Mohamad Shatar Sabran, Mansor Abu Talib, Rojanah Kahar, & Abdullah Al-Hadi Haji Muhamed (Editor), *Ke arah mahasiswa cemerlang: strategi*.

Wang, C. D., & Mallinckrodt, B. (2006). Acculturation, attachment, and psychosocial adjustment of Chinese/Taiwanese international students. *Journal of Counseling Psychology*, 53(4), 422-433.